

29 MAY 1999

Syed Hamid-China (Fokus Berita)

SIKAP CHINA BANTU CEGAH KONFLIK AGRESIF, KATA SYED HAMID

Oleh Abdul Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Sikap China dalam menangani perbalahan dengan negara-negara di rantau Asia membantu mencegah pertelingkahan itu daripada merebak menjadi konflik agresif, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Sikap yang ditunjukkan oleh China setakat ini telah mewujudkan suasana yang sesuai bagi perbincangan untuk menyelesaikan perbalahan dan isu di rantau berkenaan.

"Ada banyak kawasan di rantau itu yang mudah mencetuskan konflik tetapi keadaan dapat dikawal dan mencecahnya daripada menjadi konflik agresif," kata beliau dalam wawancara dengan Bernama sempena ulang tahun ke-25 pemupukan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Satu daripada isu itu ialah tuntutan bertindih terhadap kepulauan Spratly di Laut China Selatan yang dituntut secara sepenuh atau sebahagian oleh Brunei, Filipina, Taiwan, Malaysia, Vietnam dan China.

Beliau berkata pelbagai langkah yang diambil untuk memperkukuhkan keyakinan juga antara faktor yang memastikan bahawa keamanan dan kestabilan serantau tidak terganggu pada bila-bila masa.

Syed Hamid berkata: "Keamanan, kestabilan dan masa depan kawasan ini bergantung kepada negara-negara itu sendiri. Kita harus menanam sikap keyakinan kerana ini lebih baik daripada mengundang pihak ketiga untuk mencampuri urusan hal ehwal rantau itu."

Beliau juga ditanya sama ada keperluan yang semakin bertambah bagi sumber berkemungkinan menjadi punca utama konflik di rantau berkenaan.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, Malaysia selalu berpegang kepada dasar "memakmurkan jiran" dengan kawasan-kawasan kaya dengan sumber yang membabitkan tuntutan bertindih harus dieksploitasikan secara bersama oleh negara-negara berkenaan demi kepentingan bersama.

"Jika negara jiran lebih makmur, maka itu lebih baik bagi seluruh rantau berkenaan kerana kita tidak perlu memusatkan tumpuan kepada perbelanjaan ketenteraan tetapi sebaliknya membolehkan tumpuan diberi kepada pembangunan," kata beliau.

Beliau berkata China yang mempunyai penduduk berjumlah lebih satu bilion dan menawarkan banyak peluang ekonomi juga tidak kurang berpotensi kerana perkembangan di negara itu akan memberi implikasi di peringkat global.

"Sebab itulah, saya berpendapat bahawa China perlu menjadi anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," kata beliau.

Syed Hamid ditanya mengenai hakikat bahawa China sering bercanggah pendapat dengan Barat berhubung dengan isu seperti hak asasi manusia dan dasar perdagangan, seperti juga Malaysia.

Beliau berkata walaupun wujud persamaan tetapi Malaysia dan China mempunyai pandangan yang berlainan.

"Dalam isu tertentu, pandangan kedua-dua negara nampaknya secocok. Satu daripada pandangan paling penting ialah sesebuah negara harus dibenarkan mencorakkan sistemnya sendiri.

Mengenai lawatannya ke China dari 30 Mei hingga 3 Jun, Syed Hamid berkata ia sebahagian daripada usaha oleh kerajaan Malaysia untuk memperkukuh dan memperluaskan hubungan dua hala.

Syed Hamid mengumumkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga bercadang untuk melawat China tahun ini dan butiran lawatannya sedang disiapkan.

Beliau berkata lawatan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik juga sedang dirancang.

"Semua ini ialah usaha kerajaan Malaysia untuk menarik lebih banyak pelaburan, meningkatkan hubungan rakyat dengan rakyat dan mendapat faedah daripada hubungan itu," kata beliau.

Beliau berkata apabila Malaysia mengambil langkah berani untuk menjalin hubungan dengan China pada 31 Mei, 1974, ia membuka mata kerana Malaysia ketika itu memang anti komunis disebabkan oleh sejarah keganasan komunis di negara ini.

"Tetapi kita berpendapat bahawa hubungan antara negara tidak harus berteraskan ideologi dan China boleh memainkan peranan penting demi keselamatan, keamanan dan kestabilan rantau itu. Justeru itu, Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan China," kata beliau.

Syed Hamid berkata hubungan China-Malaysia berkembang dari setahun ke setahun dengan kekerapan lawatan di peringkat menteri oleh menteri dan pegawai sektor swasta.

"Malaysia selalu menganggap China sebagai negara yang tidak harus diketepikan dan harus memainkan peranan di peringkat serantau dan antarabangsa," kata beliau.

Beliau berkata kenyataan bersama mengenai rangka kerjasama dua hala pada masa depan akan dikeluarkan semasa lawatan mencakupi bidang seperti ekonomi, sosial, politik, kebudayaan serta perdagangan dan pelaburan.

Mengenai isu ekonomi dan kewangan, beliau berkata perdagangan antara China dan Malaysia mencatatkan RM15 bilion setahun dengan menguntungkan Malaysia.

Syed Hamid juga berkata dalam usaha menarik pelancong, beliau akan mendapatkan kepastian sama ada pihak berkuasa China bersetuju terhadap cadangan Malaysia untuk mengeluarkan visa di pintu masuk.

-- BERNAMA  
MAM FAZ